

3) RUMAH MAMPU MILIK

Adun : Y.B. Dato' Noorazley Bin Yahya (Bukit Melawati)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapa banyak Kerajaan Negeri telah membina Rumah Mampu Milik Selangorku di Daerah Kuala Selangor?

Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2025, terdapat **41 projek** dengan **16,521 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan Daerah Kuala Selangor. Daripada jumlah tersebut **15 projek** dengan **4,010 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci, **9 projek** dengan **2,136 unit** sedang dalam pembinaan dan **17 projek** dengan **10,375 unit** lagi sedang dalam peringkat perancangan.

- b) Berapakah senarai penerima yang telah berjaya memiliki Rumah Mampu Milik Selangorku di Daerah Kuala Selangor?

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah unit siap dibina dan dalam pembinaan, berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, senarai pemohon Rumah Selangorku yang mendaftar bagi projek di Daerah Kuala Selangor adalah sebanyak **10,869 pemohon** manakala yang telah menerima tawaran rumah adalah sebanyak **5,242 pemohon**.